

# Wusyu mengajar Fong Wei tentang keyakinan

**AKTIF** bersukan dan mewakili negara dalam pelbagai kejohanan di pentas antarabangsa bukan penghalang kepada atlet wusyu negara, Chai Fong Wei menamatkan pengajian sehingga ke peringkat sarjana.

Malah, atlet berusia 28 tahun itu berkata sukan wusyu banyak membantunya untuk meningkatkan daya ingatan dan fokus dalam pelajaran sejak mula menyertai skuad kebangsaan 13 tahun lepas.

“Masa kecil dulu, daya ingatan saya tidak begitu baik, boleh kata perlahan. Oleh kerana dalam wusyu kita berlatih banyak melakukan pergerakan, dan perlu ingat semua corak pergerakan itu ia memang membantu saya dalam pelajaran.

“Saya menyarankan semua untuk aktif bersukan kerana ia membantu minda menjadi segar dan berfungsi dengan baik. Ada yang cakap apabila bersukan, badan penat dan mengantuk, tetapi sebenarnya ia membantu kita fokus pada pelajaran dan saya tidak pernah tidur dalam kelas,” kata Fong Wei kepada pemberita pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-40 di Serdang, Selan-


gor semalam.

Graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Putra Business School, UPM itu berkata cabaran utama ialah menguruskan masa untuk belajar dan membuat tugas universiti walaupun sibuk dengan latihan dan kejohanan antarabangsa.

Fong Wei yang pernah meraih satu pingat perak dan dua gangsa pada Kejohanan Wusyu Dunia, pingat emas Sukan SEA serta gangsa pada Sukan Olimpik 2008 apabila acara itu diadakan sebagai acara pertunjukan, bagaimanapun mengambil keputusan untuk bersara sebagai atlet.

“Selepas ini saya hendak memulakan kerjaya dalam pentadbiran dan seterusnya memulakan perniagaan sendiri. Saya berharap untuk menjadi jurulatih wusyu dan membuka pusat latihan wusyu sendiri,” kata atlet kelahiran Melaka itu.

Selain Fong Wei, dua lagi atlet wushu kebangsaan yang menamatkan pengajian peringkat sarjana di UPM pada tahun ini ialah Loh Jack Chang dan Diana Bong dalam bidang Komunikasi Korporat di bawah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. - Bernama



TIGA atlet wusyu negara Diana Bong (kiri) Jack Chang (tengah) dan Fong Wei memberi pose dengan gaya pergerakan wusyu selepas menerima ijazah sarjana masing-masing sempena majlis Konvokesyen ke-40 Universiti Putra Malaysia di Serdang semalam.